

Sabtu, 8 Februari 2020 | 5:14pm

Lima kementerian bergabung tangani masalah peniaga warga asing

Oleh Adnan Ibrahim
bhnews@bh.com.my

MERSING: Sebuah jawatankuasa membabitkan lima kementerian akan bermesyuarat dalam masa terdekat bagi mencari penyelesaian terhadap isu kebanjiran dan monopoli peniaga warga asing di Pasar Borong Selayang dan Kuala Lumpur.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Salahuddin Ayub, berkata selain kementeriannya, jawatankuasa itu turut dianggotai Kementerian Dalam Negeri (KDN), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) serta Kementerian Wilayah Persekutuan.

Menyedari masalah warga asing memonopoli pasar borong berlarutan sejak sekian lama, beliau berkata, tindakan segera harus dilakukan supaya tidak terus menjadi kebimbangan kepada masyarakat awam, khususnya pihak yang berurusan secara terus di dua pasar borong berkenaan.

"Satu mesyuarat akan diadakan dalam tempoh terdekat ini bagi membincangkan langkah sewajarnya bagi mengatasi masalah ini.

"Banyak laporan yang diterima, malah saya sendiri sudah membuat tinjauan dan mendapat hampir 90 peratus aktiviti perniagaan di kedua-dua pasar ini dimonopoli oleh peniaga asing," katanya.

Salahuddin berkata demikian selepas merasmikan projek Kluster Nanas Lestari Tanah Abang di sini, hari ini.

Beliau berkata, penguasaan warga asing terhadap aktiviti perniagaan di dua pasar borong ini amat tidak baik untuk negara di samping menekan pekebun yang terpaksa menjual harga murah kepada mereka.

"Tiada lagi kompromi terhadap masalah seperti ini kerana ia umpama barah yang mampu merebak ke seluruh negara jika terus dibiarkan," katanya.



Salahuddin menandatangani plak ketika merasmikan projek Kluster Nanas Lestari Tanah Abang di Mersing. - NSTP/Adnan Ibrahim